

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14 May 2015

Dr. Mahathir diminta beri penjelasan

um - 14/5/2015

KUALA LUMPUR 13 Mei - Tindakan Petronas membeli Konsortium Perkapalan Berhad milik Mirzan Mahathir pada tahun 1998 merupakan antara transaksi *bailout* oleh kerajaan yang telah dilakukan semasa penadbiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Bekas Setiausaha Politik Menteri Kewangan ketika itu, Mohamad Ezam Mohd. Noor berkata, perkara tersebut telah dibangkitkan dalam beberapa mesyuarat Kementerian Kewangan ketika itu sehingga menimbulkan perbalahan di antara beberapa pemimpin kerajaan.



MOHAMAD EZAM

Sehubungan itu, katanya, Dr. Mahathir perlu memberi penjelasan kepada rakyat tentang transaksi tersebut yang menggunakan dana awam bagi menyelamatkan sebuah syarikat swasta yang dimiliki anak beliaunya.

“Transaksi yang melibatkan syarikat perkapalan milik Mirzan ketika itu yang membatikan sejumlah ribuan juta ringgit dana Petronas secara jelas merupakan satu langkah *bailout* sebuah syarikat milik swasta menggunakan dana milik awam.

“Saya masih ingat Menteri Kewangan ketika itu menyatakan kepada saya kebimbangan meng-

gunakan dana awam berbilion ringgit untuk menyelamatkan syarikat swasta milik Perdana Menteri yang berkuasa ketika itu,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Semalam Pengerusi Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tunku Abdul Aziz Tengku Ibrahim juga mempersoalkan tindakan Dr. Mahathir yang berterusan melepaskan pelbagai persepsi negatif terhadap syarikat pelaburan strategik, 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Beliau turut meminta bekas Perdana Menteri itu mengakui kesilapan maklumat berhubung dana 1MDB sebanyak RM42 bilion ‘lesap’ sehingga mencetuskan sensasi di seluruh negara.